

# 42 sertai bengkel mantapkan hala tuju BPKP UMS

UM 8/6/2011 26

KOTA KINABALU 7 Jun - Seramai 42 penuntut dan kakitangan Bahagian Perumahan dan Kebajikan Pelajar (BPKP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai Bengkel Hala Tuju dan Pemantapan Organisasi, di sini baru-baru ini.

Pengerusi Penganggur, Mat Usup Rasid berkata, tujuan program itu

adalah bagi memantap dan menambah baik hala tuju BPKP yang melibatkan pentadbiran, penginapan, penyelenggaraan dan kebajikan penuntut.

"Ia selaras dengan matlamat BPKP bagi memberi perkhidmatan terbaik dari sudut kebajikan, penginapan dan keselamatan kepada

penuntut.

"Jadi, penganjuran program ini amat tepat kerana telah dapat mencapai matlamat yang diharapkan," katanya di sini.

Program tersebut dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Kasim Mansur.

Menurut Mat Usup, sebanyak tiga slot ceramah diadakan merangkumi pelbagai isu bagi memantapkan lagi BPKP.

Selain itu, katanya, terdapat juga bengkel berkumpulan bagi mengembangkan lagi idea para peserta terlibat dan mengeratkan silaturahim antara mereka.

"Antara ceramah yang diadakan menyentuh pemantapan hala tuju perumahan seiring dengan keperluan pengurusan asrama, persepaduan kakitangan bagi mencapai matlamat jabatan dan pengurusan pentadbiran personel," katanya.

Sementara itu, Kasim berharap bengkel itu dapat merealisasikan matlamat memberi perkhidmatan terbaik kepada penuntut seiring matlamat UMS menjadi universiti bertaraf dunia.

"Saya juga sangat berbangga kerana satu resolusi berjaya dicapai hasil perbahasan para peserta bengkel khususnya dalam memberi jalan penyelesaian bagi memantapkan perkhidmatan BPKP pada masa akan datang," ujarnya.



SEBAHAGIAN pelajar dan kakitangan BPKP UMS yang menyertai Bengkel Hala Tuju dan Pemantapan Organisasi di Hotel Tang Dynasty Park, Kota Kinabalu, baru-baru ini.